

## **Maklumat Tambahan**

### **i) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Batu Arang**

Pada tahun 2007, pihak Lembaga Pengelola Sekolah SJKT Batu Arang telah mengemukakan permohonan pelupusan secara pemberimilikan Tanah Kerajaan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara bagi tujuan tapak sekolah. Berdasarkan pelan pertapakan asal, tapak tersebut telah dirizabkan bagi tujuan tapak sekolah SJKT Batu Arang. Berdasarkan kepada ulasan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor melalui surat rujukan JPNS/SPB/TDP/A25094/01/81/04 Jld.2 (86) bertarikh 13 April 2009, SJKT Batu Arang adalah merupakan sekolah bantuan kerajaan (bantuan modal) dan permohonan pemberimilikan boleh dipertimbangkan. Namun demikian, merujuk kepada perbincangan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), mana-mana tanah yang telah dirizabkan bagi tujuan tapak sekolah hanya boleh dipohon oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Kemudiannya pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah mengemukakan permohonan pemberimilikan pada tahun 2012. Berdasarkan siasatan ke atas pelan permohonan, didapati sebahagian tapak yang dipohon telah terdapat tiga (3) buah struktur rumah kediaman yang didirikan oleh penduduk sekitar. Pentadbir Tanah Gombak telah mengemukakan surat pemakluman kepada pihak KPM melalui surat rujukan bil(6) dlm PTG.No.2/2/54/2012 bertarikh 26 Mac 2012 supaya mengemukakan pindaan pelan pra hitungan dengan mengeluarkan kawasan yang telah didirikan rumah kediaman tersebut. Namun, Pentadbir Tanah Gombak belum menerima maklumbalas daripada pihak KPM. Walau bagaimanapun, Pentadbir Tanah Gombak akan meneruskan proses permohonan pemberimilikan tapak SJKT Batu Arang dengan mendapatkan ulasan agensi teknikal dan seterusnya menyediakan kertas ringkasan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri selewat-lewatnya pada Jun 2023.

### **ii) Sekolah Menengah Kebangsaan Rawang**

Berdasarkan semakan, Pentadbir Tanah Gombak mendapati tapak bagi SMK Rawang adalah merupakan Tanah Kerajaan yang masih belum dikemukakan permohonan pelupusan secara pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara bagi tujuan tapak sekolah.

Sehubungan dengan itu, dicadangkan agar pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan mengemukakan permohonan yang berkenaan selaras dengan Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bilangan 1 Tahun 2014.

Yang Berhormat,

i) **Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Batu Arang**

Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah mengemukakan permohonan pelupusan secara pemberimilikan di bawah Seksyen 76 kanun Tanah Negara bagi tujuan tapak SJKC Batu Arang pada 17 Disember 2018. Pentadbir Tanah Gombak telah menyenaraikan permohonan ini untuk dimasukkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal pada akhir Mac 2023 dan seterusnya menyediakan serta memuktamadkan kertas ringkasan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri selewat-lewatnya Jun 2023.

ii) **Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) San Yuk**

Berdasarkan semakan, tapak SJKC San Yuk adalah merupakan tanah hakmilik HSD 215 PT 4894 Mukim Rawang yang telah didaftarkan di atas nama Lembaga Pengelola Sekolah SJKC San Yuk. Namun demikian, semakan Pentadbir Tanah Gombak mendapati tiada permohonan baru dikemukakan bagi tujuan padang sekolah. Pentadbir Tanah Gombak berpandangan tiada keperluan untuk dikemukakan permohonan tanah bagi kegunaan padang sekolah memandangkan padang sekolah tersebut telah berada di dalam hakmilik HSD 215 PT 4894 Mukim Rawang.